

## MEDIA CLIPPING

<b>Client :</b>	<b>Tambun Indah Land Berhad</b>	<b>Date :</b>	<b>11 January 2011</b>
<b>Media :</b>	<b>Utusan Malaysia</b>	<b>Section :</b>	<b>Business</b>
<b>Language :</b>	<b>Bahasa Malaysia</b>		

### **"IPO for Tambun Indah received overwhelming response"**

## IPO Tambun Indah raih sambutan menggalakkan

KUALA LUMPUR 10 Jan. – Tambun Indah Land Bhd., pemaju utama hartaan di Pulau Pinang menyaksikan sambutan menggalakkan bagi tawaran awam permulaannya (IPO) dengan bahagian awam 11.05 juta saham terlebih langgan sebanyak 14.9 kali.

Kumpulan itu berkata, ia menerima 10,751 permohonan bagi 175.7 juta saham dengan jumlah nilai RM123 juta.

"Kami amat gembira dengan lebihan langganan bagi IPO kami, kerana ini merupakan petunjuk kukuh keyakinan pelabur terhadap rekod prestasi dan keupayaan kami sebagai pemaju hartaan khusus dalam membawakan konsep inovatif dan membina rumah berkualiti tinggi di tanah besar Pulau Pinang.

"Kami menjangkakan pasaran hartaan di tanah besar Pulau Pinang akan terus menyaksikan prospek positif, terutamanya kerana pelabur hartaan mencari hartaan bernilai tinggi dengan potensi peningkatan modal tinggi," kata Pengarah Pengurusan Ir. Teh Kiak Seng dalam satu kenyataan.

Tambun Indah bakal disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad pada 18 Jan.

IPO Tambun Indah terdiri daripada terbitan

awam 32 juta saham biasa baru dan tawaran jualan 22.1 juta saham vendor pada harga IPO 70 sen setiap satu.

Daripada 32 juta saham biasa baru di bawah terbitan awam 11.05 juta saham diperuntukkan bagi orang awam Malaysia, 11.05 juta saham bagi pengarah, kakitangan dan sekutu perniagaan kumpulan yang layak, dan 9.9 juta saham bagi tawaran saham persendirian.

Saham tawaran jualan 22.10 juta akan diperuntukkan bagi tawaran kepada pelabur Bumiputera yang telah dikenal pasti.

IPO Tambun Indah akan mengumpulkan RM22.4 juta hasil bagi kumpulan. Daripada jumlah itu, RM12.70 juta akan diperuntukkan bagi modal kerja, RM7.10 juta bagi pembayaran semula pinjaman dan baki RM2.60 juta untuk membayar perbelanjaan penyenaraian.

Tambun Indah ialah perintis dalam membawa konsep hartaan inovatif di tanah besar Pulau Pinang dan ketika ini ia mempunyai nilai pembangunan kasar bernilai kira-kira RM1 bilion dalam perancangan sehingga 2016.

MIMB Investment Bank Bhd. ialah penasihat, penaja jamin tunggal dan ejen tawaran saham bagi IPO Tambun Indah.